

ورتا قنرغن *Warta Penerangan*



JULAI 2014





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok
Hajah Sujimawati binti Mejari

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang tahun.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan dan sumbangan persendirian pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Bertadarus di Masjid Kampung Beribi	5
Program Ramadan Penerangan pupuk ukhuwah, pemeduliaan	6 - 7
Program Ramadan Penerangan mengimarahkan Ramadan	8 - 9
Majlis Khatam Al-Qur'an dan Penyampaian Derma kepada anak-anak yatim warga Jabatan Penerangan	10
Mohon perlindungan, keselamatan rakyat Palestin	11
Sambutan Nuzul Al-Qu'ran	12
Awasi anak dari gejala dadah	13
Pelita Brunei membuat liputan Sukan Komanwel 2014 di Glasgow, Scotland	14
70 pelajar Sekolah Sukan ikuti Program Taklimat Kenegaraan	15
Kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan	15
Kakitangan yang bersara	15
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus	16

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Bertadarus di Masjid Kampung Beribi

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Julai. - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini, Program Mentakmir Masjid dalam bulan Ramadan bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya diteruskan lagi dengan Majlis Tadarus Al-Qur'an yang berlangsung di Masjid Kampung Beribi.

Majlis dihadiri oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap di JPM, Dato Paduka Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud dan Awang Haji Yahya bin Haji Idris; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny, dan Awang Haji Idris bin Md. Ali; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Mohd. Shah Al-Islam; Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, selaku Pengerusi Badan Ugama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei, ACP Awang Haji Abdul Wahid bin Haji Yahya; pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai dan kakitangan kerajaan serta penduduk Kampung Beribi.

Terdahulu penyampaian wakaf berupa tiga buah alat penghawa dingin telah disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), JPM Awang Haji Idris bin Md. Ali kepada Ketua Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Jefri bin Haji Metassim diikuti dengan Majlis Bertadarus Al-Qur'an, Bertahlil dan Doa Selamat.

Program yang telah dilaksanakan sejak 15 tahun ini merupakan sumbangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam menghidupkan bulan Ramadan dan meraih pahala dengan melakukan amalan bertadarus dan bersedekah.

Di samping itu ianya juga sebagai wadah pegawai-pegawai kanan, agensi-agensi kerajaan turun padang dan merapatkan lagi hubungan silaturahim dengan penduduk 'qaryah' masjid.

Majlis dikendalikan bersama oleh Jabatan Penerangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Radio Televisyen Brunei dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Beribi.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), JPM, Awang Haji Idris bin Md. Ali menyampaikan wakaf berupa alat penghawa dingin Ketua Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Jefri bin Haji Metassim.



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap JPM membaca ayat Al-Qur'an di Masjid Kampung Beribi.

Program Ramadan Penerangan pupuk ukhuwah, pemedulian

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan serta Cawangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah mengadakan Program Ramadan Penerangan sempena bulan Ramadan yang mubarak yang membawa 1,000 rahmat dan keberkatan bagi umat manusia.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program yang berlangsung di rumah Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Rimba, Awang Abdul Wahab bin Timbang/Rosli itu ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Menurut Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, program itu akan merapatkan lagi silaturahim antara jabatan dengan masyarakat mukim dan

kampung. Selain itu ia berfungsi sebagai mata, lidah, mulut dan telinga kerajaan dalam melihat hubungan dengan masyarakat yang sangat penting dan masyarakat merupakan rakan strategik Jabatan Penerangan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti jabatan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian bahan-bahan terbitan jabatan dan sumbangan kepada seramai 116 orang anak yatim di bawah tadahan STKRJ Kampung Rimba daripada warga

Jabatan Penerangan dan juga ahli keluarga serta orang persendirian yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Acara turut diserikan dengan satu ceramah khas yang disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Azman bin Haji Musa diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin dan bertahlil serta Ratib Al-Attas.

Program Ramadan Penerangan ini bertujuan untuk warga Jabatan Penerangan

PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Mohammad semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Program Ramadan Penerangan sempena bulan Ramadan.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang anak yatim.

membuat amal kebajikan kepada masyarakat, di samping berintegrasi dengan mereka semasa bulan Ramadan.

Program juga diharapkan agar warga kampung dapat merasai keindahan Islam dan memupuk semangat ukhuwah, kasih sayang, pemedulian dan perpaduan dalam

kalangan semua anggota masyarakat dan pihak kerajaan.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali serta pegawai-pegawai Jabatan Penerangan dan ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan Biro Wanita.



PEGAWAI Pusat Da'wah Islamiah Awang Haji Azman bin Haji Musa ketika menyampaikan ceramah.



SEBAHAGIAN ahli Majlis Perundingan Kampung Rimba yang hadir (kiri) dan seorang anak yatim juga turut menerima sumbangan derma pada Program Ramadan Penerangan (kanan).



seorang anak yatim juga turut menerima sumbangan derma pada Program Ramadan Penerangan (kanan).



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi menyampaikan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan kepada Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Awang Abdul Wahab bin Timbang/Rosli (kiri) dan para jemputan membaca Surah Yaa Siin sebelum berbuka puasa (kanan).



ANAK-ANAK yatim di bawah tadahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampung Rimba.

Program Ramadan Penerangan

DAERAH BELAIT



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang anak yatim (atas dan bawah).



DAERAH TEMBURONG



ANTARA anak yatim di bawah tadahan Ketua Kampung Selangan, Parit & Biang Menengah yang menerima sumbangan.



PENCERAMAH undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Nazirul Mubin bin Ahad ketika menyampaikan ceramah khas.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri menyertai bacaan tahlil dan doa arwah semasa berlangsungnya Program Ramadan Penerangan, Mukim Amo.

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli , Hezlinaw
Foto : Hernie Suliana Haji Othman , Hezlinaw

Program Ramadan Penerangan diharap akan mampu membantu umat Islam. Bagi daerah ini program tersebut diadakan pada 12 Julai 2014.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Besar, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. bagi memulakan acara.

Majlis diserikan dengan ceramah khas mengenai puasa disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Beliau menjelaskan bahawa dengan berpuasa akan menguatkan hati, miskin dan fakir, di samping melemahkan hati. Seramai 25 orang anak yatim di bawah tadahan Kementerian menerima sumbangan daripada warga Jabatan Penerangan.

Sementara itu, bagi Daerah Belait, program Ramadan Penerangan Seramai 77 orang anak yatim termasuk 36 orang lelaki dan 41 orang perempuan telah menerima sumbangan daripada warga daerah.

Penyampaian sumbangan diserahkan oleh Menteri Besar di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Juga hadir termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Haji Dulamin, Ketua Kampung Mumong; Pemangku Mukim, Mohammad; pegawai-pegawai kanan, pegawai dan pegawai Perundingan Kampung Mumong.

Manakala di Daerah Tutong Program Ramadan Penerangan Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Dan Mukim.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan sumbangan derma kepada 19 orang anak yatim dan penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Idris bin Haji Mohd.

Juga hadir Pemangku Pengarah Penerangan, Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Razali bin Ismail, pemangku timbalan pengarah, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan penduduk kakitangan Jabatan Penerangan.

an mengimarahkan Ramadan

DAERAH TUTONG

linawati Haji Abd. Karim, Mohammad Arif Matali
ati Haji Abd. Karim, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

pu memberikan impak yang positif kepada masyarakat
ram diadakan di Masjid Kampung Selangan, Mukim

Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di
d. Ali yang juga memimpin bacaan Surah Al Faatihah

genai 'Hikmah Ramadan dan Amalan Di Dalamnya'
t Da'wah Islamiah, Awang Nazirul Mubin bin Ahad.
dapat mengingatkan seseorang kepada orang yang
wa nafsu yang mendorong kepada berbuat maksiat.
tua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah

ran, m yang sama turut diadakan pada 17 Julai 2014.
dan 41 orang perempuan di bawah tadahan Kampung
a Jabatan Penerangan dan juga ahli keluarga serta

amu kehormat, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet)
n bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos.

Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Yusof bin
u Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji
kakitangan Jabatan Penerangan dan ahli-ahli Majlis

adan Penerangan dengan kerjasama Jawatankuasa
au diadakan pada 24 Julai 2014.

Jabatan Perdana Menteri, selaku tetamu kehormat
anak yatim. Ceramah agama yang disampaikan oleh
Mail bin Awang Besar.

n, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Ahli Majlis
mli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai;
Mukim Telisai, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung,
duk Kampung Danau serta pegawai-pegawai dan



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd Rozan menyampaikan derma kepada seorang anak yatim.



MAJLIS diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Dakwah Islamiah, Ustaz Awang Haji Mail bin Awang Besar.



PARA jemputan dan ahli MPK dan jawatankuasa takmir masjid ketika mendengar ceramah khas di majlis berkenaan (atas dan bawah).



ter, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali ketika Ramadan Penerangan di Masjid Kampung



Majlis Khatam Al-Qur'an dan Penyampaian Derma kepada anak-anak yatim warga Jabatan Penerangan

Oleh : Unit Perhubungan Awam
Foto : Mohd. Sahrizal
Haji Mohd. Said

Bandar Seri Begawan, 24 Julai. - Dalam sama-sama meraih pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadhan ini, Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi pegawai-pegawai dan kakitangannya yang telah menamatkan bacaan 30 juz Al-Qur'an.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang



MAJLIS Khatam Al-Qur'an yang diadakan di Dewan Pengiran Setia Negara.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan menamatkan bacaan 30 juz Al-Qur'an.

diketahui oleh bekas kakitangan Jabatan Penerangan, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Md. Yassin dan seterusnya diikuti dengan Khatam Al-Qur'an dan doa khatam. Majlis diserikan dengan Zikir Marhaban.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim kakitangan yang berupa wang tunai dan keperluan hari raya dalam sama-sama meringankan beban perbelanjaan mereka dan berkongsi kegembiraan bagi mereka menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Majlis Khatam Al-Qur'an

ini merupakan acara tahunan jabatan ini dengan objektifnya untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga penerangan. Ia dihasratkan untuk memeriahkan suasana Ramadhan yang tentunya disemarakkan dengan bacaan Al-Qur'an.

Hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan menyampaikan sumbangan derma pada majlis tersebut (atas dan bawah).



SEORANG anak yatim menerima sampul duit raya daripada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.

Mohon perlindungan, keselamatan rakyat Palestin



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman

KEKEJAMAN yang dilakukan ke atas penduduk dan rakyat Palestin oleh musuh kian menganas dan mengorbankan ratusan rakyat Palestin tanpa mengira usia dan jantina sejak Selasa lepas dan kekejaman yang dilakukan tersebut mendapat perhatian daripada seluruh rakyat Islam di seluruh dunia termasuk negara kita Brunei Darussalam.

Majlis Munajat Negara yang turut disertai dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja lainnya bagi membaca Surah Yaa Siin dan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon perlindungan dan keselamatan untuk rakyat dan negara Palestin daripada angkara keganasan dan kezaliman musuh di semua masjid, surau dan balai ibadat di keempat-empat daerah pada 14 Julai yang lalu.

Majlis Munajat tersebut diadakan di masjid-masjid utama di seluruh negara. Bagi Daerah Brunei dan Muara majlis tersebut diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Mariam, Kampung Jerudong; Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan, Kampung Lambak Kanan.

Bagi Daerah Belait majlis diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Pekan Belait; Masjid Rancangan Perumahan



SEBAHAGIAN daripada jemaah yang hadir pada Majlis Munajat Negara di Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.

Negara Kampung Pandan dan Masjid Pekan Seria. Bagi Daerah Tutong ia dilangsungkan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, sementara di Daerah Temburong diadakan Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar.

Majlis Munajat diisi dengan acara membaca Surah Yaa Siin, Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan membaca Doa Hajat.

Adalah diharapkan negara-negara Islam, dengan kekayaan

sumber alam yang diberikan Allah, supaya akan bangun memberikan semangat dan apa jua pertolongan terhadap Palestin.

Semoga dengan adanya usaha yang kita lakukan ini para pejuang Palestin akan berada dalam keadaan selamat, aman, sejahtera, diberi kekuatan dan dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam menghadapi dan mempertahankan kedaulatan negara Palestin serta kesucian agama Islam daripada pihak musuh.



MAJLIS Munajat Negara turut dihadiri oleh penuntut-penuntut sekolah, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Sambutan Nuzul Al-Qur'an



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong ketika mendengar ceramah khas 'Meneroka Ilmu Sains dan Teknologi Menerusi Penghayatan Al-Qur'an Al-Karim'.

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai. - Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan di bawahnya telah diadakan di Dewan Bankuet, JPM.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Hadir sama ialah Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad.

Majlis diserikan dengan



TETAMU kehormat, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong menyampaikan sumbangan derma Hari Raya Aidilfitri kepada seorang kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berkeperluan.

Ceramah Khas bertajuk 'Meneroka Ilmu Sains dan Teknologi Menerusi Penghayatan Al-Qur'an Al-Karim' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Dalam ceramahnya, Dr. Abdul Nasir antara lain menyentuh mengenai kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala lebih seribu empat ratus tahun yang lalu untuk menjadi panduan kepada umat Islam sekalian dalam menuju kesempurnaan iman.

Al-Qur'an juga merupakan sebuah asas dan perpaduan yang

di dalamnya terdapat ilmu teknologi dan ilmu sains yang menunjukkan akan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Ini terbukti kerana terdapat lebih 700 ayat yang mengandungi kebenaran sains dalam kitab suci ini.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan itu diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma Hari Raya Aidilfitri kepada 39 kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berkeperluan, yang dihasratkan dapat meringankan beban perbelanjaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Awasi anak dari gejala dadah



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan para jemputan mendengar taklimat mengenai penyalahgunaan dadah dalam 'Program Awasi Anak Kitani'.

Oleh & Foto :
Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Selasa, 22 Julai. - Ibu bapa perlu melengkap dan mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan dan maklumat berhubung kait dadah, profil penagih, keburukan dan akibat gejala dadah untuk memberi kesedaran dan bimbingan serta menangani anak-anak yang terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat ini.

Ketua Cawangan Penerangan Tutong, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi menyarankan perkara itu semasa berucap pada Majlis 'Program Awasi Anak Kitani' bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan Daerah Tutong anjuran Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong dengan kerjasama Unit Hubungan Kemasyarakatan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dan Biro Kawalan Narkotik (BKN), berlangsung di Dewan Utama, Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Program itu, dihasratkan untuk dapat mewujudkan kesedaran ibu bapa tentang cara-cara pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada terjerumus dengan gejala penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Ia juga bertujuan memberi maklumat tentang keburukan dadah, sekali gus berkongsi ilmu, pengalaman serta tips bagaimana menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat itu melalui pengalaman, pengetahuan dan maklumat yang dikongsi sama oleh pegawai-pegawai daripada BKN melalui ceramah dan interaksi yang mereka disampaikan.

"Ibu bapalah yang akan mencorakkan kelakuan, tingkah laku, tabiat, budi bahasa, pendidikan agama, pembawaan kepada anak-anak. Peranan ibu bapa sangat penting dalam menentukan corak masyarakat kita."

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui agensi-agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan

telah mengambil beberapa langkah tegas, khususnya dalam bidang pencegahan, untuk mengawal masalah ini. Namun usaha-usaha daripada pihak kerajaan sahaja tidak akan cukup dan tidak akan dapat mencapai matlamat membanteras gejala penyalahgunaan dan pengedaran dadah ini sekiranya masyarakat tidak sama-sama memberikan bantuan dan kerjasama."

Pada program tersebut para pegawai dan kakitangan kerajaan yang hadir juga berpeluang mendengarkan taklimat mengenai penyalahgunaan dadah disampaikan oleh dua 'Rakan Harmoni' dari BKN, Awang Rusli bin Haji Abdullah dan Awang Haji Jailani bin Haji Mohd. Said.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Jabatan Penerangan yang berperanan selaku mata, telinga, mulut dan lidah kerajaan akan terus berusaha mengungkayahkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dapat memperkasa dan memperkaya masyarakat dengan pengetahuan dan maklumat yang dapat mewujudkan kehidupan sejahtera dan harmoni. Sempena program tersebut Jabatan Penerangan dan BKN juga mengadakan pameran.



TETAMU kehormat menyaksikan pameran BKN.



SEBAHAGIAN jemputan menyaksikan jenis-jenis dadah yang dipamerkan.

Pelita Brunei membuat liputan Sukan Komanwel 2014 di Glasgow, Scotland

Foto :

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Samle Haji Jait,
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

STADIUM Celtic Park bermandikan cahaya meraikan lebih 6,500 atlet yang mewakili 71 buah negara Komanwel.



SELFIE kenangan ... (dari kiri Awang Ali Termizzi, Awang Samle dan Awang Haji Masmaleh).



PASUKAN negara turut menghantar atlet terbaik untuk sama-sama bersaing di sukan berkenaan.



SUASANA persekitaran pusat media Sukan Komanwel Glasgow 2014 yang berlangsung dari 23 Julai hingga 3 Ogos 2014.



AWANG Ali Termizzi bergambar kenangan di luar stadium.



PERJALANAN menuju ke Stadium Bola Sepak Kebangsaan Scotland.



KRU Pelita Brunei menjalani pemeriksaan keselamatan sebelum membuat liputan Sukan Komanwel.

70 pelajar Sekolah Sukan ikuti Program Taklimat Kenegaraan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Julai. - Penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri pelajar sedari awal agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur.

Justeru, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan Program Taklimat Kenegaraan bagi maktab-maktab dan sekolah



AWANG Haji Dayang bin Haji Kasim semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan kepada para pelajar Sekolah Sukan.



SEMANGAT patriotik sambil mengibarkan bendera dari pelajar Sekolah Sukan.

menengah kerajaan seluruh negara dari semasa ke semasa.

Lebih 70 pelajar dari Sekolah Sukan berpeluang mendengarkan taklimat mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan, berlangsung di Dewan Auditorium.

Atur cara bermula dengan nyanyian ramai Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara'.

Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim dalam taklimatnya menjelaskan bendera rasmi Negara Brunei Darussalam mula direka bentuk pada tahun 1906. Pada tahun 1959 penambahan satu lambang rasmi Negara Brunei

Darussalam dilakukan dikenali lambang kerajaan berbentuk panji-panji merah.

Program kemudian diteruskan dengan tayangan klip video mengenai Bendera Negara terbitan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dan sesi Kuiz Kenegaraan.

Antara objektif Program Taklimat Kenegaraan ini diadakan bagi mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, bernegara dan beragama yang berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada seorang kakitangan yang berkhidmat di jabatan ini:



Awang Syahi bin Haji Ludin
Jawatan : Juruteknik Foto Tingkat II
Tarikh Melapor : 1 Julai 2014

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa, tenaga dan komitmen sepenuhnya sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara dan selamat maju jaya kepada:



Awang Haji Abdul Mumin bin Haji Madin
Tarikh lahir : 19 Julai 1959
Tarikh Tamat Perkhidmatan : 18 Julai 2014

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus pada bulan ini:

**Kuliah Awam “Hablum Minallah Wa Hablum Minannas” di Dewan Pencapaian, Aras 2,
Institut Perkhidmatan Awam.**

Tarikh : 10 Julai 2014

Awang Musa bin Mohiddin

Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya

Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh

Awang Muhammad Al Khaliq bin Ali

Awang Zainuddin bin Muhammad Hussein

Pengemaskinian Rekod Perkhidmatan (Job Data) di Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 21 – 23 Julai 2014

Awang Haji Kamran bin Haji Bungsu

Awang Othman bin Haji Tengah

Tarikh : 5 – 7 Julai 2014

Dayang Hajah Mariam binti Haji Abd. Rahman

Dayang Ruziah binti Haji Zakaria

Dk Hajah Siti Mewartee binti Pg Haji Kahar

Menangani Perubahan di Institut Perkhidmatan Awam

Tarikh : 21 – 23 Julai 2014

Dayang Siti Norasilah binti Haji Awang Asli @ Anisah

Dayang Astrilen @ Atikah binti Muhammad Asyraf @Tujoh

Menjana Kepimpinan Diri di Institut Perkhidmatan Awam

Tarikh : 14, 17, 19 & 21 Julai 2014

Awang Ishak bin Haji Othman

Awang Shari bin Haji Garib


Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn